



DR. NOOR AZLAN GHAZALI (enam dari kiri) mengabadikan kenangan bergambar bersama sebahagian daripada alumni UKM yang telah berjaya dalam kerjaya dan perniagaan.

Alumni bantu kejayaan pendidikan UKM

KEWUJUDAN hampir 200,000 alumni terdiri daripada pelbagai latar belakang individu, membantu pencapaian cemerlang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Naib Canselor UKM, **Prof. Datuk Dr. Noor Azlan Ghazali**

berkata, institusi pengajian tinggi awam itu yang berjaya menduduki tangga ke-184 carta universiti terbaik dunia mengikut kajian *QS-World University Ranking 2018/2019* turut dipacu oleh bantuan berterusan daripada alumni meliputi pelbagai aspek strategik.

Menurutnya, peningkatan sebanyak 46 anak tangga daripada kedudukan ke-230 tahun lalu, membuktikan hubungan strategik yang dijalin UKM dengan para alumni menghasilkan impak positif.

“Dengan hampir 200,000 alumni, UKM yang ditubuhkan sejak 1970 lagi berjaya menempatkan diri dalam kalangan tiga universiti awam



UNIVERSITI
KEBANGSAAN
MALAYSIA
National University of Malaysia



DR. NOOR AZLAN GHAZALI

terbaik di Malaysia, malah maklumat yang dikongsi turut membolehkan UKM mempersiapkan para mahasiswa dengan setiap aspek diperlukan oleh industri.

“Jadi UKM sentiasa menghargai apa sahaja bantuan mahupun sumbangan mereka (alumni), malah kami yakin kerjasama baik ini mampu menjadi pemangkin kecemerlangan universiti,”

katanya ketika ditemui selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Alumni UKM di Bangi, Selangor baru-baru ini.

Yang turut hadir ialah Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC), Datuk Norhalim Yunus; Naib Presiden dan Pengarah Eksekutif KLIA Holdings, Datuk A. Rahman

Safar serta Presiden dan Pengarah Urusan Kumpulan KUB Malaysia Berhad, Datuk Abdul Rahim Mohd. Zin.

Seramai 13 alumni terdiri daripada pelbagai individu penting dan berjaya dalam pelbagai bidang kerjaya turut serta dalam majlis tersebut yang dianjurkan secara berkala.

Menurut Noor Azlan, selain bertukar maklumat, alumni juga terlibat secara langsung dalam proses pembangunan akademik UKM selama ini sehingga meningkatkan tahap kebolehpasaran mahasiswa dalam pelbagai bidang akademik.

“Peranan alumni ternyata membantu kami apabila mereka bukan sekadar salurkan maklumat malah turut memberikan tempat kepada lulusan UKM menjalani latihan praktikal di tempat mereka,” katanya.

Selain berjaya meningkatkan ranking universiti, UKM turut berjaya menempatkan diri pada kedudukan ke-12 universiti di bawah usia 50 tahun menjadikan universiti awam itu antara institusi pendidikan berprestij di Malaysia. - **SYAHIDI BAKAR**